

22 NOV 1996

SEDIKIT SAHAJA KEMAJUAN CLINTON DALAM MENCAPAI MATLAMAT APEC

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 22 Nov (Bernama) -- Pendirian tidak tetap pentadbiran Clinton mengenai perdagangan bebas menjejaskan teruk kewibawaan Amerika Syarikat (AS) sehingga Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpaksa mengutarakan idea "blok perdagangan Asia sahaja", menurut Heritage Foundation, iaitu sebuah kumpulan bijak pandai, pada Khamis.

Robert O'Quinn, penganalisa dasar The Heritage mendakwa yang rundingan mengenai penubuhan Perunding Ekonomi Asia Timur (EAEC) telahpun "reda" tetapi jika peliberalan perdagangan dan pelaburan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) mengalami kegagalan, "nasionalis di Asia boleh menekankan sekali lagi untuk mengubah EAEC kepada blok perdagangan Asia sahaja."

The Heritage yang dikenali berpihak kepada pendapat parti Republican berkata, blok perdagangan seperti itu boleh mengurangkan eksport Amerika ke Asia dan menggugat gaji sebilangan besar pekerja-pekerja di AS. Perdagangan dua hala AS dengan Asia melepasi AS\$403 bilion pada 1995, dan menyumbangkan lebih 3.8 juta pekerjaan di AS.

O'Quinn yang membentangkan kertas kerjanya bertajuk "Mengembalikan Semula Kepimpinan Amerika" di persidangan perdagangan Asia, iaitu sehari sebelum mesyuarat Apec di Manila berkata, Presiden Bill Clinton hanya menunjukkan sedikit kemajuan ke arah mencapai matlamat Apec dalam mewujudkan "kawasan pelaburan bebas di Pasifik."

Beliau berkata, dasar-dasar Clinton termasuk isu perdagangan dengan Jepun; kegagalan untuk bekerjasama dengan Kongres dalam memperbaharui Program Pertanian AS yang menjejaskan negara-negara anggota Apec yang lain; dan tidak menunaikan komitmen AS untuk menyiapkan perjanjian-perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk meliberal perdagangan dalam beberapa perkhidmatan -- telah mengejutkan rakan perdagangan Amerika di Asia.

O'Quinn mencadangkan yang presiden itu meminta kongres mempercepatkan rundingan perjanjian perdagangan bebas tanpa membabitkan isu buruh atau alam sekitar; menjemput Argentina dan Peru untuk menyertai Apec yang akan memindahkan imbalan kuasa dalam kumpulan perdagangan itu jauh daripada negara-negara seperti China, Korea Selatan dan Malaysia yang mahukan ianya dilaksanakan dengan perlahan.

18 ekonomi Apec mempunyai keluaran kasar negara melebihi AS\$13 trilion, ataupun separuh keluaran dunia. -- BERNAMA

SH RM PR